

# Pilihan raya: BN Sabah mahu beri hadiah kepada PM

**UM 30/10/2003 - 9 PRECISE**

KOTA KINABALU 29 Okt. — Barisan Nasional (BN) Sabah bertekad memastikan kemenangan besar dalam pilihan raya negeri akan datang sebagai hadiah persaraan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Pengerusinya, Datuk Seri Musa Aman berkata, BN negeri telah lama bersiap sedia menghadapi pilihan raya untuk memastikan kemenangan besar parti itu.

“Kita akan bekerja keras untuk memastikan BN menang besar bukan sahaja di Sabah, tetapi Malaysia amnya. Inilah cara rakyat membalas budi kepada pemimpin agung kita (Dr. Mahathir),” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menjadi tetamu jemputan program lintas langsung *Selamat Pagi Malaysia* dari Sabah di sini, hari ini.

Program itu diadakan sempena penghargaan beliau kepada Dr. Mahathir yang telah banyak menabur jasa dan komitmennya terhadap negeri Sabah.

Dr. Mahathir, Perdana Menteri yang keempat akan bersara mulai Jumaat ini selepas memegang jawatan tersebut selama kira-kira 22 tahun.

Katanya, BN negeri juga yakin peluang mencapai kemenangan besar tidak akan terjejas kerana semua parti komponen telah lama bersiap-sedia.